

**Yang di-Pertuan Agong Selamat Pulang Dari Vietnam  
Bernama  
8 Sept, 2013**

ALOR SETAR, 8 Sept (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah selamat tiba di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim di sini hari Ahad sekembali dari Hanoi, Vietnam.

Pesawat khas yang membawa Seri Paduka berdua mendarat kira-kira pukul 7.40 malam dan disambut oleh Pengerusi Jemaah Pemangku Sultan Kedah, Tan Sri Tunku Annuar Sultan Badlishah.

Menteri Besar Datuk Mukhriz Tun Dr Mahathir serta barisan exco kerajaan negeri turut menyambut Seri Paduka Baginda.

Sebaik turun dari pesawat, Mufti kerajaan negeri Datuk Syeikh Baderuddin Ahmad membacakan doa selamat.

Baginda berdua kemudiannya berangkat ke Istana Anak Bukit.

Pada pagi esok, Tuanku Abdul Halim dijadual mengucapkan selamat jalan kepada kumpulan pertama jemaah haji ke tanah suci yang akan berlepas dari Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim.

Tuanku Abdul Halim dan Tuanku Hajah Haminah mengadakan lawatan negara selama empat hari ke Vietnam bermula Khamis lepas selepas melawat Thailand.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=976134>